



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PELAN ANTIRASUAH

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2022
hingga
2026



PELAN ANTIRASUAH

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2022
hingga
2026

Hak Cipta Universiti Malaysia Kelantan, 2022

Hak cipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Unit Integriti, Pejabat Naib Canselor, Universiti Malaysia Kelantan.

PELAN ANTIRASUAH UNIVERSITI MALAYSIA
KELANTAN 2022 HINGGA 2026
ISBN 978-967-0021-18-8

Diterbitkan oleh:
UNIT INTEGRITI
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Kelantan
16300 Bachok
Kelantan, Malaysia





KANDUNGAN

- 06** Amanat Kepimpinan Pengerusi Lembaga Pengarah UMK
- 08** Pernyataan Komitmen Pengurusan Tertinggi Universiti Perutusan Naib Canselor UMK
- 11** Ringkasan Eksekutif


**6.0 PENUTUP /
KESIMPULAN**


**2.0 PEMBANGUNAN PELAN
ANTIRASUAH UMK 2022 - 2026**
Penubuhan Jawatankuasa
Pembangunan Pelan Antirasuah UMK
Proses Pembangunan Pelan
Antirasuah UMK
Statistik Isu Integriti, Tadbir Urus dan
Rasuah

1.0 PENGENALAN
Latar Belakang
Visi dan Misi
Nilai Teras
Objektif Strategik
Piagam Pelanggan
Logo dan Falsafah

**4.0 KERANGKA PELAN ANTIRASUAH UMK
2022 - 2026**

Bidang Keutamaan dan Objektif Strategik
Analisis Kuadran
Pelan Tindakan





**AMANAT
KEPIMPINAN
PENGERUSI
LEMBAGA
PENGARAH
UMK**



Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera.

Syukur saya kehadrat Allah SWT atas limpah kurnia dan izinNya, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) berjaya membangunkan dan melancarkan Pelan Antirasuah UMK bagi tempoh 2022 – 2026. Pelan Antirasuah UMK 2022 – 2026 merupakan perancangan pemantapan integriti yang bersepadu, komprehensif dan holistik bagi meningkatkan kesedaran, komitmen dan kerjasama warga UMK untuk memperkasakan nilai-nilai kerja beretika dan berintegriti serta menolak segala amalan rasuah dalam organisasi. Menerusi perancangan dan strategi yang telah diatur dan direncanakan dalam Pelan Antirasuah UMK 2022 – 2026 ini akan menjadi rujukan dan panduan dalam menangani permasalahan integriti, tadbir urus dan rasuah di UMK. Buku ini juga memuatkan maklumat mengenai Pengurusan Risiko Rasuah UMK di mana 36 risiko berhubung integriti, tadbir urus dan rasuah telah dikenalpasti. Semoga kewujudan pelan ini akan mempermudahkan pencapaian visi dan misi serta mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan di UMK. Harapan saya agar semua warga UMK akan memberikan sepenuh komitmen bagi memastikan setiap inisiatif yang telah dirancang dalam Pelan Antirasuah UMK 2022 – 2026 ini akan tercapai. Akhir kata, sekalung tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam membangunkan pelan ini.

Sekian.

**PERNYATAAN
KOMITMEN
PENGURUSAN
TERTINGGI
UNIVERSITI
PERUTUSAN
NAIB
CANSELOR
UMK**



Assalamualaikum WBT dan Selamat Sejahtera.

Saya ingin merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat dalam merealisasikan pembangunan Pelan Antirasuah UMK 2022 – 2026. Sesungguhnya, komitmen yang tinggi dalam membangunkan dan menggubal Pelan Antirasuah UMK 2022 – 2026 dalam situasi Negara menghadapi penularan pandemik Covid 19 amatlah mencabar. Namun pelan ini akhirnya dapat diwujudkan dengan jayanya.

Pelan Antirasuah UMK 2022 – 2026 ini merupakan dasar dan panduan dalam memandu UMK bagi menangani isu-isu rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan seterusnya menginsitusikan integriti dalam kalangan warga UMK dalam usaha untuk memantapkan tadbir urus, integriti dan antirasuah di UMK. Buku ini juga memuatkan Pengurusan Risiko Rasuah UMK. Warga UMK perlu memahami dan menghayati bagi menguruskan risiko ini untuk memastikan kejayaan Pelan Antirasuah UMK 2022 - 2026. Harapan saya, bagi memastikan kejayaan pelan ini, semua pihak terutamanya pihak yang telah diamanahkan secara khusus akan memberikan sepenuh komitmen dalam memastikan pelaksanaan setiap inisiatif yang telah dirancang dalam Pelan Antirasuah UMK 2022 – 2026 ini direalisasikan dengan penuh tanggungjawab agar agenda pencegahan rasuah dalam organisasi dilaksanakan dengan sempurna.

Kerjasama semua pihak amatlah saya hargai dengan ucapan terima kasih.

Sekian.



UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
Transformative • Entrepreneurial • Excellent



RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Antirasuah UMK 2022 – 2026 menetapkan 4 bidang keutamaan yang akan menjadi teras dalam usaha membanteras salah laku integriti, tadbir urus dan rasuah di UMK khususnya seperti yang dinyatakan dalam Bab 2. 4 bidang keutamaan tersebut ialah Pengurusan Tadbir Urus dan Penyampaian Perkhidmatan, Pengurusan Kewangan dan Pembangunan, Pengurusan Penyelidikan dan Penerbitan serta Pengurusan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar. Bagi memastikan pelaksanaan 4 bidang keutamaan tersebut, 4 strategi telah dikenal pasti iaitu Meningkatkan Tadbir Urus dan Penyampaian Perkhidmatan, Meningkatkan Kecekapan, Ketelusan dan Integriti dalam Pengurusan Kewangan dan Pembangunan, Membudayakan Aktiviti Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan, dan Memantapkan Tadbir Urus Pengurusan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar. Strategi ini membawa kepada 12 objektif strategik yang akan memfokus kepada 82 pelan inisiatif yang akan dilaksanakan dalam tempoh 5 tahun akan datang.

Pelan ini dibangunkan selaras dengan visi Pelan Strategik UMK 2021-2025 iaitu menjadi peneraju kepada pembangunan insan yang holistik, seimbang dan berminda keusahawanan demi mencapai kesejahteraan global. Oleh yang demikian, Pelan Antirasuah UMK 2022-2026 merupakan Pelan yang menyeluruh dan praktikal berdasarkan penilaian risiko yang mampu mengurangkan dan mencegah isu integriti, tadbir urus dan rasuah di UMK seterusnya secara kolektif dapat mencapai kedua-dua visi Pelan Antirasuah dan Pelan Strategik UMK tersebut.

1.0 PENGENALAN



Pelan Antirasuah UMK 2022 – 2026 merupakan dokumen yang dihasilkan dengan menggariskan tindakan menyeluruh dan bersepada dalam memerangi isu integriti, tadbir urus dan rasuah seiring dengan kehendak Pelan Antirasuah Nasional (NACP) iaitu di bawah inisiatif 6.2.1 NACP. Inisiatif tersebut menggariskan keperluan pembangunan OACP di Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs), Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) dan sektor swasta yang dikawal selia oleh badan kawal selia. Pelan Antirasuah UMK menjadi dokumen utama dan panduan bagi warga UMK dalam menangani isu integriti, tadbir urus dan rasuah di UMK.

► LATAR BELAKANG

Universiti Malaysia Kelantan merupakan sebuah Badan Berkanun di Malaysia. Penubuhan sebuah universiti di negeri Kelantan telah dijadikan satu komponen dalam Rancangan Malaysia ke-9 (RMK ke-9) bagi menyokong pembangunan modal insan berkualiti dalam sektor pendidikan tinggi negara. YAB Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan persetujuan kerajaan untuk menubuhkan sebuah universiti di Kelantan dalam pembentangan (RMK ke-9) pada 31 Mac 2006.

Penubuhan universiti ini telah mendapat kelulusan daripada Jemaah Menteri dalam Mesyuarat Kabinet pada 14 Jun 2006. Jemaah Menteri juga telah menetapkan supaya falsafah kurikulum pengajian di UMK berteraskan kepada pendidikan keusahawanan dan perusahaan (*entrepreneurship education and enterprises*) dalam semua program pengajian. Oleh itu, frasa rangsangan seperti “*Entrepreneurship is Our Thrust*” (Keusahawanan Teras Kami) dan “*Entrepreneurial University*” (Universiti Keusahawanan) digunakan secara meluas. Pengkhususan pengajian untuk pembangunan jangka masa pendek dan sederhana

dikelompokkan kepada 3 bidang pengajian iaitu:

1. Keusahawanan dan Perniagaan;
2. Teknologi Kreatif dan Warisan; serta
3. Agro-industri dan Sains Sumber Asli

Pada masa yang sama, penekanan diberikan kepada kemahiran berbahasa dan kemahiran insaniah. Semua program pengajian bertujuan untuk melahirkan modal insan negara yang berkualiti tinggi dengan minda kelas pertama yang lengkap dengan ciri-ciri usahawan. Modal insan yang dihasilkan diharap dapat dimanfaatkan untuk kesejahteraan global dan memberi perhatian kepada peningkatan keupayaan dan kemampuan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) (*capability and capacity building of SME*) serta menyumbang kepada pembangunan masyarakat perdagangan berkeusahawanan tinggi. Selaras dengan pelaksanaan semua bidang pengajian, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) digunakan sebagai pengupaya.

► VISI DAN MISI



► NILAI TERAS



Nilai Teras Organisasi

Setiap warga UMK yang terdiri daripada pelajar dan staf mendukung teras nilai yang sama bagi membentuk satu identiti Universiti. 3 nilai teras UMK adalah:



Objektif Strategik

-
- The diagram shows seven vertical circles connected by a dashed red line, each aligned with a specific objective icon and text.
- 01** Membangun program pengajian serta aktiviti akademik universiti yang lebih dinamik dan berdaya saing di peringkat global; (Globe icon)
 - 02** Menghasilkan penyelidikan dan inovasi yang mampu memberi impak kepada masyarakat melalui libatsama universiti, kerajaan, industri dan komuniti; (Lightbulb icon)
 - 03** Menyediakan sumber manusia yang berpengetahuan, kompeten, berintegriti, berkualiti dan profesional; (Clock icon)
 - 04** Menerapkan budaya keusahawanan yang mampu menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat, persekitaran dan industri; (Chart icon)
 - 05** Memperteguh tadbir urus yang efisen dan sistematik serta membangun infostruktur bagi menyokong persekitaran kondusif; (Target icon)
 - 06** Menjana pendapatan dan mengoptimumkan perbelanjaan yang dapat menyokong kelestarian universiti; dan (Dollar sign icon)
 - 07** Mencipta imej dan identiti tersendiri yang menggambarkan reputasi sesebuah organisasi melalui petunjuk yang ketara. (Icon with two people)

► PIAGAM PELANGGAN

Berteraskan keusahawanan sebagai tunjang dengan berpegang kepada nilai kreatif dan inovatif, keterbukaan dan profesionalisme dalam pembangunan modal insan yang unik, relevan dan berbeza, UMK berazam, beriltizam dan bertekad serta berjanji untuk melaksanakan segala hak yang termaktub kepada semua pelanggannya secara profesional, beretika dan berintegriti:



a

Menyediakan pendidikan yang bermutu berdasarkan kepada piawaian global yang menjamin peluang kerjaya yang cemerlang dalam semua disiplin yang diceburi.



b

Mewujudkan suasana kerja yang kondusif bagi membolehkan staf memperoleh semua keupayaan ke arah kecemerlangan dengan sistem insentif dan imbuhan yang menarik serta peluang untuk mengukuhkan laluan kerjaya yang berdaya saing.



c

Menjadikan UMK relevan kepada masyarakat dalam usaha untuk meningkatkan sosio-ekonomi, budaya dan pengukuhan jati diri dan negara bangsa, di samping memastikan industri menjadi rakan pintar bagi meningkatkan penjanaan ekonomi dan pewujudan peluang pekerjaan para graduan.



d

Menyediakan tenaga kerja berpengetahuan dengan kemahiran yang tinggi, di samping memiliki atribut keusahawanan yang dapat menembusi semua aspek keperluan guna tenaga negara.



e

Mengesahkan penerimaan aduan, cadangan dan/atau pertanyaan berkaitan perkhidmatan universiti dalam tempoh 24 jam. Mengambil tindakan terhadap aduan, cadangan dan/atau pertanyaan berkaitan perkhidmatan universiti tidak melebihi lima (5) hari bekerja.

► LOGO DAN FALSAFAH

Logo UMK simbolik kepada penekanan kepada huruf "U","M" dan "K". Rekabentuknya melambangkan unsur dan sifat universiti yang terbuka dan merentasi zaman. Manakala bentuk *hour glass* pula menggambarkan tiada had untuk tempoh masa dalam proses pembelajaran iaitu penggalakan Pembelajaran Sepanjang Hayat. Ia juga melambangkan unsur kromosom yang aktif dan dinamik serta kejadian alam (*a part of nature*)


Proses ini disokong dengan lambang dua tangan yang memohon restu dan keredhaan serta sentiasa bersyukur. Gambaran imej kromosom melambangkan sifat aktif dan dinamik semasa berinteraksi dengan persekitaran universiti. Pemilihan warna "biru" adalah untuk Malaysia, "merah" untuk Kelantan dan "jingga" warna semulajadi buah pinang masak yang merujuk kepada warisan.

Logo ini didokong oleh falsafah UMK yang memberi penekanan kepada 6 aspek utama iaitu :-




2.0 PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH UMK 2022-2026

Universiti merupakan sebuah institusi yang melahirkan modal insan dan sumber manusia yang penting kepada pembangunan sesebuah negara. Universiti perlu mempunyai fokus yang tinggi dalam melahirkan bakal pemimpin negara yang berintegriti. Namun, setiap institusi atau organisasi pasti mengalami isu integriti, rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan kelemahan tadbir urus dalam menjalankan skop perkhidmatannya bagi mencapai visi dan misi yang ditetapkan. Beberapa punca berlakunya salah laku integriti, kelemahan tadbir urus dan rasuah di UMK iaitu:



Sehubungan dengan itu, Pelan Antirasuah UMK 2022-2026 ini dibangunkan untuk menangani permasalahan dan kelemahan tadbir urus, integriti dan rasuah di UMK. Berikut adalah di antara keperluan Pelan Antirasuah UMK 2022-2026 diwujudkan:



▶ Penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Pelan Antirasuah UMK 2022 - 2026

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bilangan 8/2020 (Kali Ke-221) yang bersidang pada 16 Ogos 2020 telah bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Komposisi jawatankuasa tersebut terdiri daripada seorang penasihat, 4 orang Ketua Bidang Keutamaan, 23 orang ahli serta dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa). Keanggotaan ahli Jawatankuasa ini terdiri daripada Pengurusan Tertinggi serta pegawai-pegawai kanan UMK.

Dalam usaha menjayakan pembangunan Pelan Antirasuah UMK ini beberapa siri bengkel dan taklimat telah diadakan seperti berikut:



▶ Proses Pembangunan Pelan Antirasuah UMK 2022 - 2026

Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) dan Pembangunan Pelan Antirasuah UMK (OACP) diadakan secara hibrid yang dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan dalam organisasi. Kehadiran pegawai-pegawai kanan ini amat penting bagi memastikan komitmen dan kesungguhan pihak Pengurusan Tertinggi UMK dalam menutup ruang dan peluang daripada berlakunya salah laku integriti, tadbir urus dan rasuah.

Pembangunan OACP UMK melibatkan beberapa proses antaranya pengumpulan data. Unit Integriti UMK telah mengumpul maklumat daripada pelbagai sumber bagi mengenal pasti risiko-risiko berkaitan integriti, tadbir urus dan rasuah di UMK. Ianya melibatkan pengumpulan maklumat daripada sumber dalaman dan luaran untuk tempoh 5 tahun bermula 2017 hingga 2021 seperti berikut:

Sumber Luaran

- a **Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)**
Data maklumat daripada Unit Statistik Bahagian Pengurusan Rekod dan Maklumat
- b **Biro Pengaduan Awam Negeri Terengganu / Kelantan, dan Pusat Governance Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC), Jabatan Perdana Menteri**
Maklumat berhubung aduan berkaitan UMK
- c **Laporan Ketua Audit Negara**
Laporan Ketua Audit Negara
- d **Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)**
Maklumat daripada Penyelaras Aduan KPT

Sumber Dalaman


- a **Unit Integriti**
Data maklumat aduan
- b **Pejabat Pendaftar**
Kajian melibatkan keberkesanan perkhidmatan UMK dan laporan serta analisis data berhubung dengan Sistem Pengurusan Amalan Nilai (SPAN 2.0) serta maklumat salah laku staf kontrak
- c **Pejabat Penasihat Undang-Undang**
Laporan dan analisis data salah laku / tatatertib staf UMK
- d **Unit Audit Dalam**
Laporan dan analisis data audit UMK
- e **Pusat Komunikasi Korporat**
Laporan dan analisis data aduan awam



► Statistik Isu Integriti, Tadbir Urus dan Rasuah Penjawat Awam dan UMK bagi Tahun 2017-2021


i. Penjawat Awam

STATISTIK MENGIKUT PECAHAN KESALAHAN




Sumber: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

STATISTIK BERHUBUNG RASUAH




Sumber: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

ii. UMK




Sumber: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)




Sumber: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

STATISTIK JUMLAH ADUAN DITERIMA OLEH UNIT INTEGRITI



Sumber: Unit Integriti, Pejabat Naib Canselor

STATISTIK KATEGORI ADUAN



Sumber: Unit Integriti, Pejabat Naib Canselor

3.0

PENGURUSAN RISIKO RASUAH UMK

▶ Pengenalan

Pengurusan Risiko Rasuah (*Corruption Risk Management (CRM)*) merupakan satu proses pengurusan untuk membantu mengenal pasti kelemahan struktur yang mungkin membuka peluang kepada berlakunya rasuah, menyediakan rangka kerja untuk mengenal pasti faktor risiko (telah, sedang dan mungkin berlaku) dan penyelesaiannya yang melibatkan semua pekerja serta menerapkan elemen pencegahan rasuah dalam rangka tadbir urus yang mantap. Ia juga merupakan salah satu alat pengurusan (*management tool*) yang digunakan untuk menangani isu-isu risiko rasuah dengan menghasilkan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah bertujuan mewujudkan sebuah sistem pengurusan yang bercirikan antirasuah dan mendukung nilai integriti.

▶ Indeks Persepsi Rasuah di Malaysia

2021 Tangga = 62/180

2021 Skor = 48/100


2020 Tangga = 57/180

2020 Skor = 51/100

2019 Tangga = 51/180

2019 Skor = 53/100

INDEKS PERSEPSI RASUAH DI MALAYSIA BAGI TAHUN 2019-2021



Menurut sumber Transparency International Malaysia, kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) dunia bagi tahun 2021 semakin jatuh iaitu pada kedudukan 62 berbanding tangga 57 pada 2020 daripada 180 buah negara. Catatan skor juga menunjukkan penurunan. Malaysia mencatatkan skor 48 berbanding skor 51 pada tahun 2020. Ini menggambarkan persepsi rasuah di Malaysia semakin membimbangkan.

► **Penilaian dan Analisis Risiko Rasuah UMK**

Hasil dapatkan daripada analisis data dari sumber dalaman dan luaran serta dapatan Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah UMK, maklumat tersebut kemudiannya digunakan untuk membuat penilaian dan analisis risiko.

Jumlah keseluruhan risiko melibatkan integriti, governan dan rasuah bagi 4 Bidang Keutamaan ialah sebanyak 36 risiko yang bertahap tinggi, signifikan, sederhana dan rendah sebagaimana yang dinyatakan di bawah:

TAHAP RISIKO	JUMLAH ISU
Tinggi	10
Signifikan	8
Sederhana	15
Rendah	3

BIL	ISU	RISIKO	SKOR RISIKO
1.	I	Ketidakpatuhan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] dan Kod Etika UMK	Tinggi
2.	I, G, R	Ketidakakuran dalam proses pengambilan dan kenaikan pangkat	Tinggi
3.	I	Ketidakcekapan staf dalam pelaksanaan tugas	Tinggi
4.	I, G,R	Kebocoran maklumat sebut harga / tender kepada pembekal, kontraktor dan orang yang tidak berkaitan	Signifikan
5.	G, R	Pemilihan kontraktor sama yang berulang-ulang dalam sebutharga / tender	Signifikan
6.	I, G	Memecah kecil perolehan bagi mengelakkan proses sebut harga / tender	Signifikan
7.	I, G, R	Mendapatkan <i>dummy quotation</i> bagi pembelian terus	Tinggi
8.	I, G, R	Tuntutan bayaran yang berulang (<i>double claim</i>)	Tinggi
9.	I, G, R	Tuntutan palsu (<i>false claim</i>)	Tinggi
10.	I, G	Kecuaian dalam pengurusan aset dan inventori universiti	Signifikan
11.	I, G	Ketidakpatuhan peraturan berhubung pengurusan perolehan projek	Tinggi
12.	I, G, R	Memperakukan bayaran interim projek tidak mengikut peratusan kerja di tapak	Tinggi
13.	I, G, R	Menguruskan untuk kelulusan perubahan kerja (V.O) tambahan / pengurangan yang tidak sepatutnya untuk sesuatu projek	Signifikan
14.	I, G, R	Memalsukan laporan untuk mendapatkan kelulusan lanjutan masa projek (E.O.T)	Signifikan

15.	I, G, R	Memperakukan kerja-kerja kontrak panel utiliti yang tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan di universiti	Tinggi
16.	I, G, R	Penilaian permohonan geran penyelidikan / perundingan yang tidak telus	Sederhana
17.	I, G, R	Pelantikan panel penilai bagi geran dalaman yang tidak kompeten dan berintegriti	Sederhana
18.	G	Kelemahan proses pembukaan akaun / pendaftaran / perekodan data dan pemantauan geran penyelidikan / perundingan	Sederhana
19.	I, G, R	Meluluskan tuntutan dan perolehan palsu yang menggunakan dana penyelidikan / perundingan	Sederhana
20.	I	Memanipulasikan laporan dan data penyelidikan / perundingan	Sederhana
21.	I, G	Penyalahgunaan aset penyelidikan untuk tujuan peribadi	Sederhana
22.	I, G, R	Tidak mendaftarkan projek pengkomersialan / harta intelek	Sederhana
23.	G	Penubuhan syarikat tidak mengikut prosedur yang berkuatkuasa	Sederhana
24.	G	Kelemahan dalam pengurusan pelesenan bagi pengkomersialan	Sederhana
25.	I, G, R	Kelulusan Skim Insentif, Kolaborasi dan Pembiayaan Penerbitan yang tidak telus dan tepat	Sederhana
26.	I	Pemalsuan hasil penyelidikan atau plagiat dalam penerbitan	Sederhana
27.	I, G, R	Proses pemilihan pelajar yang tidak telus	Sederhana
28.	I, G	Pelajar tidak berintegriti dan tidak mematuhi Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [<i>Akta 30</i>] (AUKU), Kaedah-Kaedah UMK (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 dan Peraturan Akademik UMK Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda (Sepenuh Masa)	Tinggi

29.	I	Kecuaian staf dalam pengurusan akademik	Sederhana
30.	I, G, R	Penyalahgunaan kuasa dalam pengurusan akademik	Signifikan
31.	I, G	Pengisian Sistem Kajian Pengesahan Graduan (SKPG) tidak dilaksanakan oleh pelajar	Rendah
32.	I, G, R	Pemberian penginapan kepada pelajar yang tidak berkelayakan / tidak memenuhi kriteria	Signifikan
33.	I, G, R	Pemberian biasiswa / bantuan kepada pelajar yang tidak berkelayakan/ tidak memenuhi kriteria	Rendah
34.	I, G, R	Pelaksanaan aktiviti pelajar yang tidak mematuhi tatacara kewangan	Sederhana
35.	I, G, R	Jurulatih / fasilitator / pegawai kehormat yang dilantik tidak kompeten dalam bidang sukan / kebudayaan / kurikulum / badan beruniform	Rendah
36.	I, G, R	Pemilihan MPP yang tidak telus dan tidak mematuhi proses	Sederhana


Catatan:

- I – Integriti
- G – Governan
- R – Rasuah

4.0 KERANGKA PELAN ANTIRASUAH UMK 2022 - 2026



Pengurusan Tertinggi UMK berazam untuk mewujudkan usaha pencegahan salah laku integriti, tadbir urus dan rasuah yang strategik dan komprehensif untuk tempoh 5 tahun akan datang. Dalam hal ini, Kerangka Pelan Antirasuah UMK 2022 – 2026 telah menetapkan perancangan yang berstruktur dan berfokus bagi memastikan usaha ini dapat direalisasikan seiring dengan aspirasi NACP.



► BIDANG KEUTAMAAN DAN OBJEKTIF STRATEGIK

BIDANG KEUTAMAAN	OBJEKTIF STRATEGIK
Pengurusan Tadbir Urus dan Penyampaian Perkhidmatan	<ol style="list-style-type: none">1. Menyediakan sumber manusia yang berpengetahuan, kompeten dan berintegriti.2. Mengamalkan sistem pengurusan dan tadbir urus yang mantap.
Pengurusan Kewangan dan Pembangunan	<ol style="list-style-type: none">1. Meningkatkan kecekapan, ketelusan dan integriti dalam pengurusan perolehan.2. Meningkatkan kecekapan, ketelusan dan integriti dalam pengurusan kewangan.3. Mengamalkan pengurusan projek pembangunan yang telus dan berintegriti.
Pengurusan Penyelidikan dan Penerbitan	<ol style="list-style-type: none">1. Memantapkan pengurusan geran/dana penyelidikan/perundingan.2. Menambahbaik pengurusan harta intelek dan pengkomersialan.3. Membudayakan integriti dalam penerbitan.
Pengurusan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar	<ol style="list-style-type: none">1. Melahirkan pelajar yang cemerlang dan berkualiti.2. Meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.3. Memantapkan tadbir urus akademik.4. Memantapkan tadbir urus pengurusan hal ehwal pelajar.




BIDANG KEUTAMAAN	STRATEGI	OBJEKTIF STRATEGIK	INISIATIF
Pengurusan Tadbir Urus dan Penyampaian Perkhidmatan	1	2	22
Pengurusan Kewangan dan Pembangunan	1	3	18
Pengurusan Penyelidikan dan Penerbitan	1	3	20
Pengurusan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar	1	4	22
JUMLAH	4	12	82

ANALISIS KUADRAN

BIDANG KEUTAMAAN	KUADRAN A	KUADRAN B	KUADRAN C	KUADRAN D
Pengurusan Tadbir Urus dan Penyampaian Perkhidmatan	3	10	9	0
Pengurusan Kewangan dan Pembangunan	16	2	0	0
Pengurusan Penyelidikan dan Penerbitan	13	7	0	0
Pengurusan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar	12	4	6	0
JUMLAH	44	23	15	0

Hasil daptan daripada analisis kuadran menunjukkan sebanyak 44 inisiatif berada dalam kuadran A yang mewakili inisiatif yang berimpak tinggi, kompleksiti rendah yang perlu diberi keutamaan untuk dilaksanakan. Seterusnya sebanyak 23 inisiatif berada di kuadran B yang mewakili inisiatif yang mempunyai impak dan kompleksitinya tinggi. Inisiatif di kuadran B ini lebih kompleks untuk dilaksanakan. Sebanyak 15 inisiatif berada di kuadran C yang mewakili inisiatif yang memberi impak dan kompleksiti yang rendah. Kompleksiti sesuatu inisiatif bergantung kepada pelbagai faktor antaranya masa, tenaga dan kos bagi melaksanakan inisiatif tersebut.



PELAN TINDAKAN

Jumlah keseluruhan inisiatif bagi 4 Bidang Keutamaan ialah sebanyak 82 inisiatif yang perlu dilaksanakan dalam tempoh 5 tahun bermula 2022 hingga 2026 sebagaimana butiran berikut:

BIDANG KEUTAMAAN : PENGURUSAN TADBIR URUS DAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN					
Strategi 1 : Meningkatkan Tadbir Urus dan Penyampaian Perkhidmatan					
Objektif Strategik 1.1 : Menyediakan Sumber Manusia yang Berpengetahuan, Kompeten dan Berintegriti					
BIL.	INISIATIF		PELAKSANA		TEMPOH MASA
1.1.1	Memperkasa latihan pemantapan secara berkala berteraskan modul dan aras (penyelia dan staf)	Bahagian Kecemerlangan Pendaftar	Pengurusan Bakat, Pejabat	dan	Disember 2022 – Jun 2023
1.1.2	Pemantapan kaedah pemantauan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab	Ketua Pusat Tanggungjawab/ Seksyen Perkhidmatan, Pejabat Pendaftar			2022 - 2026
1.1.3	Menambahbaik Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Pegawai oleh Pusat Tanggungjawab	Seksyen Perkhidmatan, Pejabat Pendaftar/ Seksyen Gubalan, Pejabat Penasihat Undang-Undang/ Unit Integriti, Pejabat Naib Canselor			Disember 2022 – Jun 2023
1.1.4	Mengenakan tindakan tatatertib	Seksyen Guaman dan Tatatertib, Pejabat Penasihat Undang-Undang/ Seksyen Perkhidmatan, Pejabat Pendaftar			2022 - 2026
1.1.5	Menaik taraf sistem sedia ada iaitu <i>Integrated Management System (IMS)</i> dan <i>e-Community</i> kepada platform baharu iaitu HR4U	Bahagian Infostruktur, Pusat Komputeran dan Informatik/ Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar			Disember 2022 – Mac 2026
1.1.6	Menambah baik penilaian latihan secara <i>Continuous Professional Development (CPD)</i> dalam Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) staf	Bahagian Kecemerlangan Pendaftar	Pengurusan Bakat, Pejabat	dan	Januari 2023 – Disember 2023

1.1.7	Melaksanakan indikator penilaian kompetensi berteraskan komponen integriti (penilaian 360)	Bahagian Kecemerlangan Pendaftar	Pengurusan Bakat, dan Pejabat	Februari 2022 – Disember 2023
1.1.8	Menguatkuasakan pengisytiharan harta secara berkala	Seksyen Perkhidmatan, Pendaftar	Pejabat	Ogos 2022 – Mac 2023
1.1.9	Menaik taraf sistem sedia ada <i>Career@UMK</i> bagi pengambilan staf pentadbiran kepada <i>platform</i> baharu iaitu HR4U	Seksyen Pengambilan, Pendaftar/ Bahagian Infostruktur, Pusat Komputeran dan Informatik	Pejabat	Ogos 2022 – Disember 2024
1.1.10	Mewujudkan sistem kenaikan pangkat secara dalam talian	Seksyen Kemajuan Kerjaya, Pendaftar/ Bahagian Infostruktur, Pusat Komputeran dan Informatik	Pejabat	Julai 2022 – Disember 2023
1.1.11	Menambah baik Garis Panduan Pengambilan Staf	Seksyen Pengambilan, Pendaftar	Pejabat	Februari 2022 - April 2022
1.1.12	Menambah baik Syarat dan Tatacara Kenaikan Pangkat Staf UMK (STEPS)	Seksyen Kemajuan Kerjaya, Pendaftar	Pejabat	Mac 2022 – Disember 2022
1.1.13	Menambah baik Garis Panduan Mengenai Peraturan Melaksanakan Pekerjaan Luar	Seksyen Perkhidmatan, Pendaftar/ Seksyen Gubalan, Penasihat Undang-Undang/ Unit Integriti, Pejabat Naib Canselor	Pejabat	Ogos 2022 – Mac 2023
1.1.14	Mewujudkan sistem permohonan menjalankan pekerjaan luar secara dalam talian	Seksyen Perkhidmatan, Pendaftar/ Seksyen Gubalan, Penasihat Undang-Undang/ Unit Integriti, Pejabat Naib Canselor/ Bahagian Infostruktur, Pusat Komputeran dan Informatik	Pejabat	Januari 2024 – Disember 2025

Objektif Strategik 1.2 : Mengamalkan Sistem Pengurusan dan Tadbir Urus yang Mantap

BIL.	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.2.1	Melaksanakan latihan pemantapan berasaskan kompetensi secara berkala	Bahagian Pengurusan dan Kecemerlangan Bakat, Pejabat Pendaftar	Disember 2022 – Jun 2023
1.2.2	Melaksanakan kursus berfokus kepada staf dalam bidang kritikal	Bahagian Pengurusan dan Kecemerlangan Bakat, Pejabat Pendaftar/ Pusat Tanggungjawab	Mei dan Julai setiap tahun
1.2.3	Pemantapan dan pemantauan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab terhadap:	Bahagian Pengurusan dan Kecemerlangan Bakat, dan Seksyen Saraan dan Prestasi, Pejabat Pendaftar/ Bahagian Infostruktur, Pusat Komputeran dan Informatik	Disember 2022 – Mac 2026
	1. Sistem Penilaian Prestasi 2. Sistem <i>Competency Based Talent Management</i> (CBTM) e-Bakat - Penilaian kompetensi		Januari 2022 – Disember 2022
1.2.4	Pemantapan kaedah pemantauan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab melalui deskripsi tugas	Ketua Pusat Tanggungjawab/ Seksyen Perjawatan, Pejabat Pendaftar	2022- 2026
1.2.5	Mewujudkan Garis Panduan Pusingan Kerja Staf	Seksyen Perjawatan, Pejabat Pendaftar	Januari 2023 – Disember 2023
1.2.6	Menjadikan laporan aduan awam sebagai agenda utama dalam Mesyuarat Kualiti Universiti	Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Acara, Pusat Komunikasi Korporat	Julai dan Januari setiap tahun
1.2.7	Menambah kriteria penilaian kompetensi sebagai indikator pengukuran	Bahagian Pengurusan dan Kecemerlangan Bakat, Pejabat Pendaftar	Mac 2022 – Mac 2023
1.2.8	Mewujudkan Garis Panduan tentang penggunaan media sosial	Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Acara, Pusat Komunikasi Korporat	Ogos 2022 – Disember 2022

BIDANG KEUTAMAAN : PENGURUSAN KEWANGAN DAN PEMBANGUNAN

Strategi 2 : Meningkatkan Kecekapan, Ketelusan dan Integriti Pengurusan Kewangan dan Pembangunan

Objektif Strategik 2.1 : Meningkatkan Kecekapan, Ketelusan dan Integriti dalam Pengurusan Perolehan

BIL.	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA	
2.1.1	Menyediakan senarai semak bagi pematuhan <i>Integrity Pack</i>	Seksyen Perolehan, Pejabat Bendahari/ Pusat Tanggungjawab	Disember 2022 - Januari 2023	
2.1.2	Mengetatkan kawalan pemilihan kontraktor misalnya dengan memberi keutamaan kepada kontraktor yang tidak mempunyai rekod kerja semasa (penggiliran)	Seksyen Perolehan, Pejabat Bendahari/ Pusat Pembangunan dan Pengurusan Infrastruktur	Jan 2022 – Dis 2026	
2.1.3	Penambahbaikan pada Borang Permohonan Pembelian (RO)	Seksyen Pejabat	Bayaran Pembekal, Bendahari	Disember 2022 - Januari 2023
2.1.4	Melaksanakan pemantauan dan pematuhan secara berkala berkenaan pelaksanaan <i>Standard Operating Procedure (SOP)</i> Perolehan berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan	Unit Audit Dalam/ Seksyen Perolehan, Pejabat Bendahari	2022 - 2026	
2.1.5	Mengeluarkan surat arahan kepada setiap Pusat Tanggungjawab untuk menyediakan rancangan perolehan sehingga RM20,000.00	Seksyen Bayaran Pembekal, Pejabat Bendahari / Pusat Tanggungjawab	Disember 2022 – Januari 2023	
2.1.6	Mengeluarkan surat arahan kepada setiap Pusat Tanggungjawab untuk menubuhkan ahli Jawatankuasa Penilaian Teknikal/ Kewangan dari bahagian/unit yang berbeza.	Seksyen Perolehan, Pejabat Bendahari / Pusat Tanggungjawab	Disember 2022 - Januari 2023	

Objektif Strategik 2.2 : Meningkatkan Kecekapan, Ketelusan dan Integriti dalam Pengurusan Kewangan Universiti

BIL.	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
2.2.1	Menambahbaik Sistem Tuntutan Perjalanan Staf bagi kumpulan wang yang berbeza	Bahagian Infostruktur, Komputeran dan Informatik / Seksyen Bayaran Staf, Pejabat Bendahari	Mac 2023 - Jun 2024
2.2.2	Menambahbaik senarai semak bagi Borang Tuntutan Elaun Perjalanan Dalam Negeri (Rasmi/ Kursus)	Seksyen Bayaran Staf, Pejabat Bendahari	Disember 2022 - Januari 2023
2.2.3	Mengemaskini Peraturan Tuntutan Mendahulukan Wang Sedia Ada	Seksyen Bayaran Staf, Pejabat Bendahari	Disember 2022 - Mac 2023
2.2.4	Menghantar email peringatan kepada PTJ untuk menghantar borang permohonan pelupusan aset dan inventori setiap bulan.	Seksyen Aset dan Stor, Pejabat Bendahari	Disember 2022 - Januari 2023

Objektif Strategik 2.3 : Mengamalkan Pengurusan Projek Pembangunan yang Telus dan Berintegriti

BIL.	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
2.3.1	Memantapkan garis panduan pengurusan dan pelaksanaan perolehan projek	Bahagian Pengurusan Projek, Bahagian Perkhidmatan dan Bahagian Penyelenggaraan, Pusat Pembangunan dan Pengurusan Infrastruktur	Januari 2023 - Jun 2023
2.3.2	Pemantauan dilaksanakan dengan lebih kerap di tapak bina semasa pelaksanaan bayaran dinilai.	Bahagian Pengurusan Projek dan Bahagian Penyelenggaraan, Pusat Pembangunan dan Pengurusan Infrastruktur	2022 - 2026
2.3.3	Mewujudkan garis panduan dan kod kawalan bagi memastikan pegawai mematuhi pekeliling perbendaharaan	Semua Bahagian Pembangunan dan Infrastruktur di Pusat Pengurusan	2022 - 2026

2.3.4	Penglibatan wakil pembangunan universiti di dalam setiap peringkat pengurusan projek	Bahagian Bahagian Bahagian Penyelenggaraan, Pusat Pembangunan dan Pengurusan Infrastruktur	Pengurusan Perkhidmatan dan Bahagian Projek, September 2022 - Mac 2023
2.3.5	Mewujudkan Garis Panduan Kawalan Kelulusan Perubahan Kerja (V.O)	Bahagian Bahagian Bahagian Penyelenggaraan, Pusat Pembangunan dan Pengurusan Infrastruktur	Pengurusan Perkhidmatan dan Bahagian Projek, September 2022 - Mac 2023
2.3.6	Mewujudkan Garis Panduan Pengurusan Lanjutan Masa Projek (E.O.T)	Bahagian Bahagian Bahagian Penyelenggaraan, Pusat Pembangunan dan Pengurusan Infrastruktur	Pengurusan Perkhidmatan dan Bahagian Projek, September 2022 - Mac 2023
2.3.7	Memperkasakan Jawatankuasa E.O.T dan menambah bilangan ahli yang bukan merupakan staf Pusat Pembangunan dan Pengurusan Infrastruktur	Bahagian Bahagian Bahagian Penyelenggaraan, Pusat Pembangunan dan Pengurusan Infrastruktur	Pengurusan Perkhidmatan dan Bahagian Projek, September 2022 - Jun 2023
2.3.8	Memperkasakan mekanisma pemantauan dan penilaian kontraktor panel utiliti / penyelenggaraan	Bahagian Bahagian Bahagian Penyelenggaraan, Pusat Pembangunan dan Pengurusan Infrastruktur	Pengurusan Perkhidmatan dan Bahagian Projek, September 2022 - Mac 2023

BIDANG KEUTAMAAN : PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN

Strategi 3 : Membudayakan Aktiviti Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan

Objektif Strategik 3.1 : Memantapkan Pengurusan Geran/Dana Penyelidikan/Perundingan

BIL.	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
3.1.1	Menganjurkan bengkel/ bual bicara/ town hall kesedaran mengenai garis panduan dan proses kerja penilaian kertas cadangan geran penyelidikan kepada penilai	Bahagian Pengurusan Penyelidikan, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi	November setiap tahun
3.1.2	Menambah baik garis panduan geran penyelidikan dalaman	Bahagian Pengurusan Penyelidikan, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi	Jun 2023 - Disember 2023
3.1.3	Mewujudkan borang <i>Non Disclosure Agreement</i> untuk penilai	Bahagian Pengurusan Penyelidikan, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi	Ogos 2022 - September 2022
3.1.4	Membangunkan sistem pengurusan yang menyeluruh bagi geran penyelidikan/ perundingan dalam ekosistem <i>Research, Innovation, Commercialisation, Entrepreneurship and Society</i> (R.I.C.E.S)	Bahagian Pengurusan Penyelidikan, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi / Bahagian Infostruktur, Pusat Komputeran dan Informatik	Jun 2022 - Disember 2024
3.1.5	Menganjurkan sesi taklimat mengenai Polisi Perundingan dan Garis Panduan Geran Universiti	Bahagian Komersialan dan Harta Intelek, dan Bahagian Pengurusan Penyelidikan, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi	Mac setiap tahun
3.1.6	Membangunkan sistem dalaman UMK <i>Research Management System</i> (RMS) bagi pemantauan secara <i>online</i> serta sistem MyGRANTS di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)	Bahagian Pengurusan Penyelidikan, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi / Bahagian Infostruktur, Pusat Komputeran dan Informatik	Jun 2022 - Disember 2024
3.1.7	Memberi taklimat <i>Standard Operation Procedure</i> (SOP) bagi pengurusan kewangan untuk geran penyelidikan/ perundingan	Bahagian Pengurusan Penyelidikan, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi	Januari setiap tahun

3.1.8	Melaksanakan pemantauan dan pematuhan secara berkala oleh Ketua Pusat Tanggungjawab	Pusat Pengurusan dan Inovasi / Ketua Pusat Tanggungjawab	Penyelidikan	Jun dan Disember setiap tahun
3.1.9	Melaksanakan program etika/ integriti bagi penyelidikan dan inovasi kepada penyelidik UMK	Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi / Unit Integriti		Mac setiap tahun
3.1.10	Memantapkan sistem pengurusan fail penyelidikan/ perundingan	Bahagian Pengurusan Penyelidikan, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi / Bahagian Infostruktur, Pusat Komputeran dan Informatik		Mac 2023 - Disember 2024
3.1.11	Menganjurkan sesi taklimat mengenai Tatacara Pengurusan Aset Penyelidikan UMK bagi memberi kefahaman kepada semua penyelidik.	Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi		Disember setiap tahun

Objektif Strategik 3.2 : Menambahbaik pengurusan harta intelek dan pengkomersialan

BIL.	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
3.2.1	Menganjurkan sesi taklimat mengenai Polisi Harta Intelek dan Pengkomersialan	Bahagian Komersialan dan Harta Intelek, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi	Jun setiap tahun
3.2.2	Melaporkan projek pengkomersialan dalam <i>dashboard</i> Pusat Strategik Universiti	Bahagian Komersialan dan Harta Intelek, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi	Mac, Jun, September, Disember setiap tahun
3.2.3	Membangunkan Sistem Pendaftaran Harta Intelek	Bahagian Komersialan dan Harta Intelek, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi	Disember 2022

3.2.4	Mengadakan sesi taklimat/ program bual bicara mengenai Garis Panduan Penubuhan dan Pemantauan Syarikat Hiliran (<i>Spin-off</i>) dan Syarikat Terbitan (<i>Start-up</i>) Universiti Malaysia Kelantan (UMK) serta Polisi Syarikat Hiliran (<i>Spin-off</i>) dan Syarikat Terbitan (<i>Start-up</i>) UMK bagi memberikan kefahaman kepada semua.	Bahagian Komersialan dan Julai setiap tahun Harta Intelek, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
3.2.5	Penubuhan Jawatankuasa Penilaian Penubuhan Syarikat (JPPS) dan membuat pelantikan Panel Penilai JPPS yang terdiri daripada TNCPI, PUU, Pengarah Kanan RMIC, 3 wakil Panel Penasihat Inovasi dan Pengkomersialan.	Bahagian Komersialan dan Februari 2022 - April 2022 Harta Intelek, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
3.2.6	Pemantauan secara berkala dilakukan	Bahagian Komersialan dan Jun dan Disember Harta Intelek, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi setiap tahun

Objektif Strategik 3.3 : Menambahbaik pengurusan harta intelek dan pengkomersialan

BIL.	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
3.3.1	Menganjurkan sesi taklimat berkaitan Garis Panduan Skim Insentif, Kolaborasi dan Pembiayaan Penerbitan	Bahagian Penerbitan dan Penarafan, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi	Mac setiap tahun
3.3.2	Semakan dan pelaporan data dari <i>SCOPUS/WoS</i>	Bahagian Penerbitan dan Penarafan, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi / Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu	Setiap bulan
3.3.3	Menganjurkan sesi taklimat berkenaan Polisi Terhadap Plagiat UMK	Bahagian Penerbitan dan Penarafan, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi / Unit Integriti	Mac setiap tahun

BIDANG KEUTAMAAN : PENGURUSAN AKADEMIK DAN HAL EHWAL PELAJAR

Strategi 4 : Memantapkan Tadbir Urus Pengurusan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar

Objektif Strategik 4.1 : Melahirkan Pelajar yang Cemerlang dan Berkualiti

BIL.	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
4.1.1	Mewujudkan mekanisma pemantauan pematuhan kualiti berterusan berkenaan proses pemilihan pelajar	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)	Ogos 2022 - Januari 2023
4.1.2	Mewujudkan Kod Etika dan Integriti Mahasiswa UMK	Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) / Bahagian Pentadbiran Akademik / Seskyen Gubalan, Pejabat Penasihat Undang-Undang	Januari 2023 - Jun 2023
4.1.3	Menambah baik Buku Peraturan Akademik	Bahagian Pentadbiran Akademik, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)	Jun 2023 - September 2023
4.1.4	Menguatkuaskan kepatuhan pelajar terhadap Peraturan Akademik Universiti	Bahagian Pentadbiran Akademik, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)	2022 - 2026
4.1.5	Mewujudkan Garis Panduan Penasihat Akademik	Bahagian Pentadbiran Akademik, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)	Jun 2023 - September 2023
4.1.6	Membudayakan nilai integriti pelajar melalui penganjuran program integriti secara berkala	Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) / Bahagian Pentadbiran Akademik, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) / Unit Integriti, Pejabat Naib Canselor	September setiap tahun
4.1.7	Menaik taraf sistem <i>e-Proctoring</i> supaya lebih stabil dan zero defect bagi menangani isu peniruan dalam peperiksaan akhir	Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik / Bahagian Infostruktur, Pusat Komputeran dan Informatik	Januari 2023 - September 2023

4.1.8	Mewajibkan Kursus Integriti dan Antirasuah (KIAR) sebagai salah satu kursus umum universiti	Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik / Fakulti Pengajaran Bahasa dan Pembangunan Insan	November 2021 - September 2023
-------	---	--	--------------------------------

Objektif Strategik 4.2 : Meningkatkan Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran

BIL.	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
4.2.1	Menguatkuasakan Kod Etika UMK	Pusat Tanggungjawab / Unit Integriti	2022 - 2026
4.2.2	Menganjurkan kursus secara berkala berkenaan pengajaran dan pembelajaran serta penyeliaan	Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik / Pusat Pengajaran Siswazah	Julai atau Ogos setiap tahun
4.2.3	Menambahbaik Garis Panduan Peperiksaan UMK	Bahagian Pentadbiran Akademik	Julai 2022 - Mac 2023
4.2.4	Mewujudkan pendigitalan fail program dan fail kursus	Pusat Pengurusan Kualiti Universiti / Bahagian Infostruktur, Pusat Komputeran dan Informatik / Fakulti	Januari 2023 - Jun 2023
4.2.5	Menambahbaik Garis Panduan Penyeliaan Siswazah	Pusat Pengajaran Siswazah / Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik / Fakulti	Julai 2022 - Januari 2023

Objektif Strategik 4.3 : Memantapkan Tadbir Urus Akademik

BIL.	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
4.3.1	Menaiktaraf Sistem Pengurusan Program Pengajaran	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa/Bahagian Infostruktur, Pusat Komputeran dan Informatik)	Disember 2023 - Januari 2025
4.3.2	Pemantauan prestasi ejen pelajar antarabangsa secara berkala oleh Jawatankuasa Penilaian, Pemilihan dan Pemantauan Ejen Pelajar Antarabangsa	Pusat Antarabangsa Universiti Malaysia Kelantan	Jun dan Disember setiap tahun

Objektif Strategik 4.4 : Memantapkan Tadbir Urus Pengurusan Hal Ehwal Pelajar


BIL.	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
4.4.1	Memberi taklimat dan bimbingan kepada graduan tentang cara-cara mengisi SKPG dengan tepat	Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)	September – November setiap tahun
4.4.2	Membangunkan sistem <i>e-merit</i> bagi tujuan pemilihan pelajar untuk menginap di kolej kediaman	Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) / Bahagian Infostruktur, Pusat Komputeran dan Informatik	Jun 2022 – Disember 2024
4.4.3	Menambahbaik Garis Panduan Pengurusan Tatatertib dan Kebajikan Pelajar	Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) / Seksyen Gubalan, Pejabat Penasihat Undang-Undang	Jun 2023 - Jun 2024
4.4.4	Penerangan tatacara kewangan dan Arahan Perpendaharaan kepada pemimpin kelab dan persatuan pelajar	Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) / Seksyen Prasiswazah dan Terimaan, Pejabat Bendahari	Februari – Mac setiap tahun
4.4.5	Mewujudkan jawatankuasa pemilihan jurulatih / fasilitator	Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)	Jun 2022 – Jun 2023
4.4.6	Taklimat AUKU, Perlembagaan UMK dan Peraturan-Peraturan UMK (Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar) kepada Sekretariat Pemilihan MPP	Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) / Pejabat Penasihat Undang-Undang	November – Disember setiap tahun
4.4.7	Menganjurkan kursus Integriti kepada Sekretariat Pemilihan MPP	Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) / Unit Integriti, Pejabat Naib Canselor	November – Disember setiap tahun



5.0 MEKANISME PEMANTAUAN DAN PELAPORAN

STRUKTUR PEMANTAUAN PELAN ANTIRASUAH

Rajah 1: Struktur Pemantauan Pelan Antirasuah UMK



PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN PELAN ANTIRASUAH UMK

Bagi memastikan Pelan Antirasuah UMK dilaksanakan dengan berkesan, UMK hendaklah:

- a) Memastikan UI UMK memantau, menilai dan melapor pencapaian Pelan Antirasuah UMK;
- b) Memastikan setiap pelan tindakan dilaksanakan mengikut tempoh sasaran yang telah ditetapkan;
- c) Melaksanakan koordinasi dan keterlibatan bersama Pusat Tanggungjawab (PTj) bagi memastikan pelan tindakan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan;
- d) Memastikan pematuhan setiap pelan tindakan oleh warga UMK; dan
- e) Memastikan laporan pencapaian pelaksanaan Pelan Antirasuah UMK dibentangkan dalam Mesyuarat JAR UMK untuk pertimbangan dan keputusan.



FORMAT PELAPORAN PELAN ANTIRASUAH UMK 2022 - 2026

Contoh:

Pusat Tanggungjawab	:	Bahagian Pengurusan & Kecemerlangan Bakat
Bidang Keutamaan	:	Pengurusan Tadbir Urus dan Penyampaian Perkhidmatan
Strategi	:	Meningkatkan Tadbir Urus Dan Penyampaian Perkhidmatan
Objektif Strategik	:	Menyediakan Sumber Manusia Yang Berpengetahuan, Kompeten Dan Berintegriti
Inisiatif	:	Memperkasa latihan pemantapan secara berkala berteraskan Modul dan Aras (penyelia & staf)
Tarikh Laporan	:	



6.0 PENUTUP/ KESIMPULAN

Pelan Antirasuah UMK 2022 – 2026 merupakan komitmen UMK dalam usaha untuk memantapkan tadbir urus, integriti dan antirasuah. Bagi memastikan kelestarian Pelan Antirasuah UMK, pelaksanaan keseluruhan inisiatif akan dipantau dan dikaji secara berkala berdasarkan maklum balas yang dikemukakan oleh setiap Pusat Tanggungjawab yang berkenaan agar selari dengan perubahan semasa dan keperluan strategik UMK supaya dokumen ini kekal relevan dan menjadi rujukan sepanjang masa.



Gambar Bengkel CRM OACP 8 hingga 11 Mac 2022

7.0 PENGHARGAAN



BILIK SEMINAR 1



BILIK SEMINAR 1



**SENARAI JAWATANKUASA PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

JAWATAN	BIDANG KEUTAMAAN	NAMA	AHLI
Penasihat		YBhg. Prof. Dr. Razli bin Che Razak Naib Canselor	
Pengerusi JK		YBhg. Prof. Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)	
Ketua Bidang	Pengurusan Penyelidikan dan Penerbitan	Prof. Ts. Dr. Arham bin Abdullah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Prof. Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad bin Sulaiman 2. Prof. Ir. Ts. Dr. Julie Juliewatty binti Mohamed 3. Prof. Madya Dr. Mohd Asrul Hery bin Ibrahim 4. Chm. Ts. Dr. Abdul Hafidz bin Yusoff 5. Puan Nur Athirah binti Mat Yusoff
	Pengurusan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar	Prof. Dr. Razli bin Che Razak Menjalankan Fungsi Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Prof. Dr. Suria binti Baba 2. Ts. Dr. Anuar bin Mohd Yusof 3. Encik Mohd Badrul Hisyam bin Muhamad Alias 4. Encik Muhamad Anuar bin Ismail

Pengurusan Tadbir Urus dan Penyampaian Perkhidmatan	Encik Khairul Eruwan bin Abdul Halim Pendaftar	<ol style="list-style-type: none"> 1. Puan Aslina binti Abdullah 2. Puan Siti Aisah binti Yusop 3. Cik Faidzah binti Shah Rum 4. Encik Mohd Adzwan bin Kamaruzaman
Pengurusan Kewangan dan Pembangunan	Encik Mohd Yusri bin Awang Bendahari	<ol style="list-style-type: none"> 1. Prof. Madya Dr. Shardy bin Abdullah 2. Ir. Mohd Zainudin bin Mahat 3. Puan Wan Noor Azimah binti Wan Muhammad 4. Encik Muhamad Rozi bin Suddin 5. Puan Rabiatul Adawiah binti Mad Nordin 6. Encik Khairul Amry bin Nodin
Dokumentasi Buku OACP	Encik Azman bin Hashim Ketua Pustakawan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Encik Amirul Firdaus bin Zilah 2. Puan Fatinah binti Ilias
Urusetia	Puan Adni binti Abu Hassan Sha'ari Ketua Unit Integriti	<ol style="list-style-type: none"> 1. Puan Mar'ieyah binti Muhammad 2. Puan Salmiza binti Abdul Wahab

